



MAJLIS BANDARAYA KUALA TERENGGANU

KENYATAAN TAWARAN

Tawaran adalah dipelawa kepada **kontraktor Bumiputera** yang mempunyai **Sijil Perakuan Pendaftaran** dan **Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK)** berdaftar dengan 'Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia' (CIDB) serta **Sijil Taraf Bumiputera** oleh **Bahagian Pembangunan Kontraktor Dan Usahawan (BPKU)** dalam **Gred, Kategori dan Pengkhususan** berkaitan yang masih sah membuat tawaran bagi kerja berikut :

BIL	BUTIR-BUTIR TAWARAN	GRED KATEGORI & PENGKHUSUSAN	HARGA DOKUMEN
1	MENYELENGGARA DAN MEMBAIKPULIH SISTEM PERPARITAN DAN KERJA-KERJA BERKAITAN DI KAWASAN PERINDUSTRIAN CHENDERING DAN SEKITARNYA KUALA TERENGGANU (MBKT SH 134 / 2022)	Gred : G1 Kategori : CE Pengkhususan : CE21, CE34	RM20.00

- Dokumen Sebut Harga boleh dibeli dan makluman lanjut boleh didapati semasa waktu pejabat di **Tingkat 1, Bahagian Kontrak Dan Ukur Bahan Majlis Bandaraya Kuala Terengganu.**
- Naskah Dokumen Sebut Harga hanya akan dikeluarkan kepada kontraktor dengan membawa **Sijil ASAL Perakuan Pendaftaran Kontraktor, Sijil Perolehan Kerja Kerajaan** yang dikeluarkan oleh **Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia** serta **Sijil Taraf Bumiputera** yang dikeluarkan oleh **Pusat Khidmat Kontraktor** beserta satu salinan fotostat bagi setiap salinan sewaktu membeli Dokumen Sebutharga. **Hanya Kontraktor atau Penama-penama seperti dalam Sijil Pusat Khidmat Kontraktor sahaja dibenarkan untuk membeli dokumen Sebutharga.**
- Dokumen Sebut harga akan dijual mulai pada hari **Ahad 23 Oktober 2022** hingga **Ahad 30 Oktober 2022** yang boleh dibuat secara Wang Tunai /Wang Pos/Kiriman Wang Pos yang dibuat atas nama:

"Datuk Bandar Majlis Bandaraya Kuala Terengganu"
- Sebut harga ini akan ditutup pada hari ISNIN 31 OKTOBER 2022.** Dokumen sebut harga yang lengkap diisi hendaklah dihantar dalam sampul surat berlakri dan ditulis dengan "**Tajuk**" dan "**No. Sebut Harga**" berkenaan dan hendaklah dimasukkan ke dalam peti tender di **Bahagian Kontrak Dan Ukur Bahan di Tingkat 1, Majlis Bandaraya Kuala Terengganu** pada atau sebelum **jam 12.00 tengah hari** pada tarikh tutup tawaran .
- Majlis tidak terikat untuk menerima tawaran terendah ataupun mana-mana tawaran.
- Kontraktor yang berjaya tetapi enggan menjalankan kerja-kerja ini selepas tawaran dibuat atau menarik balik tawaran tersebut sebelum tempoh sahlaku sebutharga tamat akan diambil tindakan ke atas pendaftarannya dan juga akan menanggung segala kos perbezaan.
- Kontraktor hendaklah sentiasa mengambil **Perhatian** dan mematuhi langkah-langkah pencegahan **COVID-19** dan penjarakkan Sosial oleh **KKM** dan **MKN**.

t.t

.....
(ROSLI BIN LATIF)

Datuk Bandar,
Majlis Bandaraya Kuala Terengganu